

17 JUN 2002

Suhakam-Rekod/I

REKOD HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA BERCAMPUR-CAMPUR

KUALA LUMPUR, 17 Jun (Bernama) -- Rekod hak asasi manusia Malaysia bagi tahun 2001 adalah bercampur-campur dengan dua bidang utama kebebasan asas telah dicemari kata laporan yang dibentangkan di Dewan Rakyat hari ini.

Menurut Laporan Tahunan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Suhakam) 2001, dua bidang berkenaan ialah hak untuk mendapatkan perbicaraan secara terbuka dan adil serta hak untuk berhimpun secara aman.

Bagaimanapun, dalam bidang kebebasan asas lain, negara ini dilaporkan mencatat beberapa kemajuan.

"Pelantikan Tan Sri Mohd Dzaiddin Abdullah sebagai Ketua Hakim Negara dan Datuk Ainum Mohd Saa'id sebagai Peguam Negara pada awal 2001 memberi harapan bahawa kedua-dua cawangan utama urus tadbir demokrasi di Malaysia iaitu institusi kehakiman dan institusi perundangan akan mendapat kembali keyakinan rakyat," jelas laporan itu.

Mengenai penggunaan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) yang membenarkan penahanan tanpa perbicaraan, laporan itu menyebut bahawa jumlah mereka yang ditahan di Kamunting mengikut undang-undang itu meningkat hampir sekali ganda iaitu daripada 40 orang pada akhir tahun 2000 kepada 78 orang menjelang akhir 2001.

"Mereka termasuk 21 orang yang ditahan kerana didakwa menyeludup pendatang tanpa izin, lima orang aktivis Reformasi dan 13 yang didakwa menganggotai Kumpulan Militan Malaysia (KMM)," kata laporan itu.

Laporan itu seterusnya menyebut bahawa sungguhpun kerajaan mewajarkan penggunaan ISA sebagai undang-undang pencegahan bagi menangani ancaman terhadap keselamatan negara, tetapi kumpulan masyarakat madani melihatnya sebagai bersifat menekan yang digunakan bagi memenuhi kepentingan politik kerajaan.

"Mereka berhujah bahawa undang-undang sedia ada seperti Kanun Keseksaan dan Akta Polis sudah memadai untuk menangani ancaman terhadap ketenteraman awam dan keselamatan negara," kata laporan itu.

Laporan berkenaan seterusnya menyebut bahawa, kedudukan, khususnya pengendalian ISA, kini menjadi semakin rumit berikutan serangan pengganas di Amerika Syarikat pada 11 Sept.

Ini kerana negara-negara demokrasi lama seperti Amerika Syarikat dan Britain turut mula menggunakan undang-undang berbentuk pencegahan dalam memerangi keganasan dan ini menyebabkan kerajaan Malaysia berasa bahawa tindakan mereka itu menguatkan lagi kewajarannya untuk mengenakan tahanan di bawah ISA, jelas laporan itu.

Menurut laporan itu, Suhakam merancang mengadakan rundingan secara meluas tahun ini bagi mengkaji kedudukan ISA dan undang-undang pencegahan lain dengan tujuan memansuhkan atau meminda peruntukan tertentu di dalamnya bagi memantapkan lagi langkah-langkah dan prosedur perundangan.

"Sebagai langkah sementara, adalah diharapkan pihak berkuasa akan membuat kajian teliti bagi memastikan sebarang penggunaan ISA adalah benar-benar selaras dengan peruntukan berhubung kewajaran penangkapan, memenuhi keperluan perlembagaan dan mengikut prosedur. Adalah juga diharapkan mereka yang ditahan diberi peluang serta-merta untuk menemui keluarga dan peguam mereka," kata laporan itu.

Mengenai kebebasan untuk berhimpun, laporan itu menyebut bahawa Suhakam menganggap larangan secara menyeluruh yang dikenakan pada Julai bagi ceramah/perhimpunan politik di tempat terbuka sebagai sesuatu yang tidak wajar terhadap kebebasan untuk berhimpun dan melahirkan pendapat.

Walaupun kerajaan mewajarkan larangan itu dengan alasan perhimpunan parti politik membawa ancaman kepada keselamatan negara, laporan itu menyatakan bahawa parti-parti pembangkang sebaliknya berhujah bahawa perkara yang dibimbangkan itu tidak pernah berlaku sejak beberapa tahun lepas sungguhpun beribu-ribu ceramah telah diadakan.

"Awal tahun ini, sebagai tindak balas terhadap beberapa aduan berhubung larangan yang dikenakan untuk mengadakan perhimpunan secara bebas, Suhakam telah membuat kajian semula terhadap semua undang-undang yang menghalang hak untuk berhimpun secara aman dan mengemukakan syor bagi memperbaiki undang-undang dan amalan sedia ada untuk memastikan kebebasan untuk berhimpun dan memulihara keselamatan negara dan ketenteraman awam dapat dipenuhi," kata laporan itu.

Menurut laporan itu lagi, Suhakam berpendapat bahawa pengenduran larangan yang dikenakan terhadap hak untuk berhimpun secara aman boleh meredakan rasa tidak puas hati orang ramai kerana ia memberi ruang kepada mereka untuk menyuarakan kebimbangan dan mengamalkan hak mereka untuk bercakap secara bebas.

"Sebagai permulaan, Suhakam menyambut baik kenyataan Perdana Menteri (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad) bahawa kerajaan akan menimbang cadangan agar pihak berkuasa mengenal pasti tempat-tempat awam yang sesuai untuk diadakan perhimpunan secara aman," jelas laporan itu.

-- BERNAMA

SR AHH ABG SP PR